


Bahagian A

[50 markah]

Jawab mana-mana lima soalan daripada bahagian ini.

1 (a) Huraikan tujuan perniagaan. [3 Markah]

(b) Gambar 1 menunjukkan perbualan antara Encik Lim dengan Encik Fadli.



Jelaskan kelebihan bentuk pemilikan perniagaan baru tersebut. [3 Markah]

(c) Maklumat yang berikut berkaitan dengan perusahaan kilang Puan Maz.

Puan Maz merupakan pengusaha kilang keropok lekor di Kluang, Johor. Beliau menghasilkan keropok lekor untuk dipasarkan di seluruh negeri Johor. Beliau mempunyai pekerja tetap seramai 50 orang. Perniagaan beliau menunjukkan pulangan yang lumayan, iaitu jumlah jualan tahunannya adalah sebanyak RM450 000. Beliau berhasrat meluaskan lagi perniagaannya pada masa akan datang.

Terangkan klasifikasi perniagaan Puan Maz. [4 Markah]

2 (a) Terangkan **tiga** peranan kerajaan dalam mengatasi deflasi. [6 Markah]

(b) Terangkan **dua** ciri objektif yang baik bagi sesebuah perniagaan. [4 markah]

- 3 (a) Apakah yang dimaksudkan dengan Visi. [2 Markah]
- (b) Terangkan **dua** kepentingan interaksi dengan organisasi luar bagi sesebuah [4 Markah]
perniagaan.
- (c) Gambar di bawah menunjukkan penggunaan teknologi maklumat dan [4 Markah]
komunikasi dalam perniagaan.



Bagaimanakah penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi membantu [4 Markah]
dalam sesebuah perniagaan.

- 4 (a) Gambar di bawah menunjukkan dua jenis produk yang berada di pasaran.



Produk A



Produk B

Huraikan prosedur mengurus sumber teknologi yang diperlukan bagi [6 Markah]
kedua-dua produk tersebut.

- (b) Maklumat berikut berkaitan dengan Syarikat Seri Mawar Sendirian Berhad.

Syarikat Seri Mawar Sendirian Berhad merupakan sebuah syarikat kosmetik. Pengurus besar syarikat tersebut ialah Puan Suzy. Syarikat ini mempunyai beberapa jabatan iaitu jabatan pengeluaran, jabatan pemasaran, jabatan kewangan dan jabatan sumber manusia. Jabatan pengeluaran diketuai oleh Encik Mahesh, Jabatan pemasaran pula diketua oleh Puan Rohana. Pengurus bagi jabatan kewangan ialah Encik Chang, manakala pengurus sumber manusia ialah Puan Bella.

Berdasarkan petikan di atas, lakarkan struktur organisasi yang sesuai [4 Markah]
dengan perniagaan tersebut.

- 5 (a) Gambar di bawah menunjukkan sejenis sumber pembiayaan luaran.



- Jelaskan kelebihan menggunakan jenis sumber pembiayaan tersebut. [3 Markah]
- (b) Mengapakah penyata kewangan diperlukan oleh pihak berkepentingan?. [3 Markah]
- (c) Jelaskan keberuntungan perniagaan kepada usahawan. [4 Markah]
- 6 (a) Nyatakan **dua** akta yang berkaitan dengan penubuhan pemilikan perniagaan. [2 Markah]
- (b) Jelaskan tanggungjawab yang perlu dipatuhi oleh usahawan setelah memperoleh Sijil Pendaftaran Perniagaan. [4 Markah]
- (c) Terangkan **dua** kekuatan diri yang perlu dimiliki oleh seorang usahawan. [4 Markah]

BAHAGIAN B

[30 markah]

*Jawab mana-mana **dua** soalan daripada bahagian ini.*

- 7 Maklumat berikut berkaitan perniagaan Syarikat Tazzo Sendirian Berhad.

Syarikat Tazzo Sendirian Berhad merupakan pengeluar jubin kualiti tinggi berjenama I-Tazzo. Pejabat dan kilang syarikat terletak di kawasan perindustrian Nilai, Negeri Sembilan. Encik Alex merupakan pengurus besar syarikat dan mempunyai tiga jabatan utama iaitu jabatan pengeluaran, pemasaran dan pentadbiran Prinsip beliau ialah tegas terhadap pekerja dan pekerja tidak boleh diberikan kepercayaan terutama dalam hal-hal membuat keputusan. Encik Alex juga akan mengambil tindakan disiplin seperti memberi surat amaran kepada pekerja yang mempersoalkan kewibawaan pihak pengurusan. Malah ada pekerja dibuang kerja kerana ingkar arahan ketua jabatan.

- (a) Terangkan **dua** faktor penyumbang yang perlu diambil kira oleh Encik Alex ketika memulakan perniagaan Syarikat Tazzo Sendirian Berhad. [4 Markah]
- (b) Apakah gaya pengurusan yang diamalkan oleh Encik Alex? Jelaskan [6 Markah]
- (c) Bagaimanakah Encik Alex dapat menawarkan sistem penggajian yang menarik kepada pekerja-pekerjanya? [5 Markah]

8 Maklumat berikut berkaitan perniagaan yang dijalankan oleh Puan Kila.

Puan Kila merupakan pemilik perniagaan Enak Enterprise yang mengeluarkan kripap sejuk beku di Kluang, Johor. Keenakan dan keaslian rasa kripap keluaran kilangnya sudah dikenali penduduk di sekitar negeri Johor. Puan Kila berhasrat meluaskan pasaran perniagaannya ke beberapa buah negeri lain bersesuaian dengan visi perniagaannya ingin menjadi pengeluar utama kripap sejuk beku di semenanjung Malaysia. Misi perniagaannya adalah menyediakan kripap sejuk beku yang berkualiti dengan harga mampu milik. Beliau berhasrat membuat pembiayaan yang faedah rendah serta bayaran balik mengikut kemampuan peminjam untuk menampung kos yang bakal dihadapinya memandangkan beliau tidak mempunyai simpanan atau cagaran yang bernilai. Peningkatan permintaan menyebabkan beliau telah membeli empat buah mesin dan menambah beberapa orang pekerja lagi bagi melancarkan proses pengeluaran. Mesin-mesin tersebut sentiasa diselenggara bagi melancarkan operasi perniagaan.

- (a) Jelaskan tujuan penetapan misi bagi perniagaan Enak Enterprise. [6 Markah]
- (b) Pada pendapat anda, mengapakah Puan Kila menguruskan sumber fizikal perniagaan beliau dengan baik? [4 Markah]
- (c) Apakah jenis pembiayaan yang sesuai dipilih oleh Puan Kila. Berikan alasan anda. [5 Markah]

- 9 Maklumat berikut diperolehi daripada laporan penyata kewangan Syarikat Cahaya Sinar Sdn. Bhd.

Butiran	Tahun 2019 (RM)	Tahun 2020 (RM)
Untung Kasar	155,000	186,000
Jualan Bersih	188,000	210,000
Untung Bersih	130,000	150,000

- (a) Hitungkan margin untung bersih bagi tahun 2019 dan tahun 2020. Berikan justifikasi anda. [5 Markah]
- (b) Berdasarkan margin untung bersih di 9(a). Jelaskan trend persekitaran perniagaan yang berlaku dalam perniagaan Syarikat Cahaya Sinar Sdn. Bhd. [4 Markah]
- (c) Pada pendapat anda, apakah faktor yang mempengaruhi pengurusan Syarikat Cahaya Sinar Sdn. Bhd. membuat perubahan dalam visi, misi dan objektif perniagaannya? [6 Markah]

Bahagian C

[20 markah]


*Soalan ini **wajib** dijawab.*

10 Fatin merupakan seorang suri rumah tangga sepenuh masa. Beliau sangat berminat untuk menjalankan perniagaan sendiri dan bercita-cita tinggi untuk berjaya dalam bidang perniagaan. Beliau telah membuka sebuah perniagaan berasaskan kosmetik pada Januari 2021 yang diberi nama Fatin Cosmetics Enterprise dan beroperasi di Kluang, Johor.

Modal yang dilaburkan berjumlah RM 50,000 hasil pinjaman bank digunakan untuk memulakan perniagaan kosmetiknya. Fatin sebagai majikan telah dibantu oleh 2 orang staf sokongan yang menguruskan bahagian pentadbiran dan kewangan serta 5 orang pembantu. Berikut merupakan anggaran kos perniagaan Fatin Cosmetics:

Sewa	RM 2000
Gaji (termasuk pengurus dan pekerja)	RM 10500
Baju Uniform (RM 50x 8 orang)	RM 400 bayaran sekali sahaja (bulan pertama)
Bayaran Lesen PBT	RM 500 bayaran sekali sahaja (bulan pertama)
Bayaran SSM	RM 60 bayaran sekali sahaja (bulan pertama)
Bahan mentah	RM 300 setiap bulan

Setelah beberapa bulan menjalankan perniagaan tersebut, Fatin mendapati keuntungannya semakin merosot kerana hasil jualan setiap bulan tidak memberangsangkan. Situasi ini sedikit sebanyak telah menjejaskan pendapatannya dan menyebabkan matlamat dan objektif perniagaannya gagal dicapai. Hasil jualan tiga bulan pertama boleh adalah seperti berikut :



Fatin berhasrat untuk meminta nasihat dari agensi kerajaan yang bertauliah seperti MARA. Pegawai penasihat MARA telah memberi nasihat yang bernas dan membantu Fatin dari segi pemasaran serta strategi untuk meningkatkan jualan kosmetiknya.

Berdasarkan kes di atas , jawab soalan berikut :

- (a) Apakah bentuk pemilikan perniagaan Fatin Cosmetics Enterprise dan jelaskan kelebihan milikan tersebut. [3 Markah]
- (b) Jelaskan kepentingan bahagian fungsian utama yang terdapat dalam perniagaan Fatin Cosmetics Enterprise. [4 Markah]
- (c) Anda dikehendaki menyediakan penyata aliran tunai yang mudah berasaskan maklumat yang diberikan untuk tiga bulan berakhir 31 Mac 2021 perniagaan Fatin Cosmetics Enterprise. [5 Markah]
- (d) Terangkan kesan kegagalan dalam mencapai matlamat dan objektif terhadap perniagaan Fatin Cosmetics Enterprise. [4 Markah]
- (e) Pada pendapat anda, apakah elemen yang perlu ditekankan oleh Fatin untuk meningkatkan permintaan kosmetik keluarannya dalam pasaran [4 Markah]

-----KERTAS SOALAN TAMAT-----